

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 12/3/2016

Muka surat: 5

Tajuk : UNIMAS iktiraf 475 kakitangan

UNIMAS iktiraf 475 kakitangan

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam meraikan 475 kakitangannya menerusi Majlis Anugerah Gemilang (MAGU) atas kecemerlangan dan khidmat bakti mereka sepanjang tahun lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 123 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) manakala 151 lagi menerima Anugerah Perkhidmatan Setia (APS) 2015.

Dalam pada itu, seramai 14 orang menerima Sijil Penghargaan Persaraan sementara 73 lagi menerima Sijil Pengiktirafan Perkhidmatan 15 Tahun.

Anugerah terbabit disampaikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi yang disaksikan Timbalan Ketua Menteri merangkap Pro Canselor UNIMAS, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu di sini.

Jabu turut menyempurnakan

penyampaian Anugerah Penghargaan Pelaksana, Anugerah Kecemerlangan Sukan, Anugerah Staf Harapan Pengurusan dan Profesional, Anugerah Inovasi ICT Pengurusan serta Anugerah Akademik kepada 18 penerima.

Kadim dalam ucapannya berkata, MAGU diwujudkan enam tahun lalu untuk mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh kakitangannya dalam pelbagai bidang sama ada akademik atau sebaliknya.

"Ini kerana, kejayaan demi kejayaan dilakar oleh UNIMAS hingga dikenali di mata dunia termasuk penganjuran pelbagai aktiviti.

"Tahun lalu juga menyaksikan UNIMAS menggunakan pendekatan 'Blended Learning' dalam aktiviti ilmiah yang melonjak reputasi kesarjanaan universiti ini," jelasnya.

Katanya, pensyarah kini mendepani teknologi dalam memastikan kursus-kursus yang diajar seiring dengan kecanggihan teknologi terkini.

"Keberadaan universiti ini semakin terserlah apabila mengorak perubahan dalam posisinya menerusi penilaian Webometrik dari tangga 2,302 kepada 2,092 di peringkat antarabangsa tahun lalu.

"Di peringkat kebangsaan pula, UNIMAS kini berada di tangga ke-16 berbanding ke-18 pada tahun sebelumnya," tegas Kadim.

Beliau turut berkata, kerancakan bidang penyelidikan UNIMAS telah membawa universiti itu memperoleh 62 geran dari dalam dan luar negara.

"Hasilnya, UNIMAS mendapat 25 pengiktirafan secara keseluruhannya dalam tiga ekspo yang disertai.

"Oleh itu, saya berharap agar usaha gigih ini akan diteruskan dalam usaha memertabatkan UNIMAS di mata dunia," ujamnya.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr. Matta Solhi.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat